

## **TEKS UCAPAN**

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN  
SEMPENA PENGHANTARAN KUMPULAN KEDUA MALBATT  
850 – 11 DI PANGKALAN UDARA TUDM, SUBANG  
PADA 7 NOVEMBER 2023**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**SALUTASI DIMAJUKAN BERASINGAN**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Madani

1. Pertama kalinya, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini di Pangkalan Udara Subang bersempena majlis penghantaran **Kumpulan Kedua MALBATT 850 – 11**. Kumpulan kedua ini dianggotai seramai **216 anggota**, terdiri dari 16 pegawai dan 193 anggota lain-lain pangkat, serta 7 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diketuai oleh Timbalan Komander, Lt Kol Zainol Bin Abdul Samad.

Para Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

2. Dikesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh anggota Kumpulan Kedua MALBATT 850 – 11 kerana berjaya terpilih untuk menyertai misi PBB ke Lubnan. Sesungguhnya Angkatan Tentera Malaysia dan negara telah memberi kepercayaan dan harapan yang tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menggalas tanggungjawab serta amanah bagi meneruskan misi Unifil. Semoga pasukan ini akan terus melakar kecemerlangan seperti mana yang dilakukan oleh kontinjen-kontinjen malbatt yang terdahulu.
3. Sesungguhnya pemergian kumpulan kedua pada petang ini amat penting dalam usaha untuk merealisasikan **komitmen ATM selaku misi pasukan pegaman di bawah panji-panji PBB**, khususnya di Lubnan. Tidak dinafikan bahawa penglibatan ATM melalui Kontinjen MALBATT di Lubnan ini jelas telah berjaya mendapat pengiktirafan dan kepercayaan antarabangsa.

4. Kepercayaan ini jelas membuktikan bahawa ATM mampu memainkan **peranan misi pengaman** setanding dengan angkatan tentera negara lain. Peranan dan penglibatan ini penting bagi membuktikan bahawa Malaysia sangat komited dalam melaksana misi bantuan kemanusiaan kepada negara yang memerlukan, demi memastikan keamanan dan keselamatan sejagat dipertahankan. Malaysia sebagai sebuah negara di bawah Panji-Panji PBB yang cintakan keharmonian dan kesejahteraan serta sentiasa menyokong segala usaha ke arah pendamaian dan kemaslahatan manusia.
5. Prinsip ini sejajar dengan ajaran islam yang menggariskan bahawa interaksi hubungan sesama manusia atau Hablum-Minan-Nas adalah amat penting di mana, kita diharuskan untuk membantu sesama manusia tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Penyertaan negara sahabat iaitu Brunei Darussalam di dalam Kontinjen ATM, secara tidak langsung dapat meningkatkan hubungan kerjasama serta semangat setiakawan ATM dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Para Hadirin Sekalian,

6. Saya amat yakin **persediaan** yang dilaksanakan menerusi **latihan integrasi** 3 perkhidmatan selama 2 bulan di bawah seliaan Markas Angkatan Bersama di *Malbatt Village*, Port Dickson, Negeri Sembilan yang bermula dari 5 Jun sehingga 30 Julai 2023 yang lalu, telah berjaya meningkatkan tahap fizikal dan mental setiap anggota sebagai anggota infantri yang kompeten untuk melaksanakan tugas misi pengaman. Latihan integrasi ini penting memandangkan operasi pengaman Unifil ini dilaksanakan di negara Lubnan yang sudah pastinya mempunyai perbezaan dari segi politik, ekonomi, ancaman keselamatan, bentuk mukabumi, iklim dan juga budaya. Saya berharap setiap pegawai dan

- anggota dapat mengekalkan sikap profesional demi menjaga nama baik kontinjen MALBATT 850-11. ATM dan Malaysia amnya.
7. Sepertimana kita sedia maklum, penugasan kali ini dilihat lebih mencabar ekoran **konflik Israel-Gaza** yang telah tercetus sejak 7 Oktober 2023 yang lalu. Sehingga kini, konflik ini dilihat semakin tegang dan meluas di antara kedua-dua belah pihak yang mengakibatkan ribuan nyawa terkorban dan kemusnahan harta benda. Sudah pasti konflik ini akan memberi kesan kepada situasi keselamatan di selatan Lubnan dan menjelaskan pengoperasian Kontinjen MALBATT 850-10 serta MALBATT 850-11 sekiranya ia berpanjangan.
  8. Dalam situasi sedemikian, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah Subhana Wataala kerana sehingga hari ini, Kontinjen MALBATT masih berada dalam keadaan baik dan selamat. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berwaspada dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Suka ingin saya titipkan nasihat agar semua anggota dan pegawai terus peka dan menghormati budaya, peraturan serta undang-undang tempatan. Selain itu, tuan-tuan dan puan-puan juga perlu sentiasa mengekalkan sifat berkecuali, mengutamakan keselamatan serta mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Unifil. Saya percaya pasukan MALBBATT dapat memikul tanggungjawab dan amanah ini dengan sebaik mungkin.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

9. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli keluarga pegawai dan anggota MALBATT yang telah merestui dan mendoakan suami, isteri, anak atau saudara-mara masing-masing untuk melaksanakan penugasan ini. Insyaallah kebijakan dan keselamatan pasukan sentiasa menjadi keutamaan negara dan akan terus di pantau oleh Markas Angkatan Bersama. Sebelum mengakhiri wacana ini, marilah kita panjatkan doa

agar Kontinjen MALBATT 850-11 dipermudahkan segala urusan, diberikan kesihatan yang baik, selamat dalam melaksanakan semua misi operasi serta sentiasa dirahmati Allah Subhana Wataala.

10. Bagi pihak Kementerian Pertahanan dan ATM, saya dengan setulus ikhlas mengucapkan “**Selamat Jalan dan Selamat Bertugas**” kepada Kontinjen MALBATT 850-11 di bumi Lubnan. Laksanakanlah tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin, dan semoga tempoh 12 bulan penugasan ini akan menjadi kenangan yang terindah dalam perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Insyaallah.
11. Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima Kasih